

**M**elihat pelbagai gubahan kreatif menakjubkan, penulis tidak menyangka ia hasil tangan seorang lelaki yang suatu ketika dulu amat aktif dalam bidang sukan terutama bola sepak.

Namun dia mula berjinak dengan bidang gubahan bunga kerana minat mendalam selain menghargai keindahan alam yang terserlah dalam satu-satu gubahan.

Bapa kepada empat cahaya mata, Mohd Azmi Osman, 38, akui mula menceburi bidang itu sejak 14 tahun lalu kerana terpegun melihat keindahan pelbagai gubahan bunga yang dihasilkan rakan terdekat dan saudara-mara.

Bermula dari situ, dia yang pernah bekerja sebagai wartawan dan editor, teruja melihat hasil tangan kreatif orang lain.

Selepas berfikir panjang, dia mengambil keputusan untuk mencuba dan mula mengambil kelas secara formal di luar negara selama beberapa bulan.


Walaupun terpaksa menghabiskan wang ribuan ringgit, usahanya itu amat berbaloi kerana akhirnya dia mampu mencapai hasratnya bergelar penggubah bunga.

Ikuti pengalaman dilaluinya menerusi temu bual dengan penulis baru-baru ini.

**Soalan: Ceritakan serba sedikit mengenai diri anda.**

**Jawapan:** Pada awalnya saya menjadi pemain bola sepak untuk Kuala Lumpur sekitar 90-an sebelum melanjutkan pelajaran di Universiti Putra Malaysia dalam bidang sains sukan.

Sebaik tamat pengajian, saya bekerja di beberapa syarikat sebagai wartawan, jurugambar dan editor, namun ia tidak memberi kepuasan.



sungguh, saya ditugaskan dengan beberapa guru yang sanggup menurunkan ilmu mereka bukan saja gubahan bunga untuk perkahwinan, rumah dan hiasan dalaman, malah baju pengantin.

Saya diajar pelbagai cara menggubah bunga menggunakan bahan semula jadi termasuk makanan dan minuman yang dianggap lebih kreatif berbanding yang ada kini.

Kemahiran unik ini mendapat pengiktirafan dalam dan luar negara apabila saya sering dijemput untuk menjadi tenaga pengajar di luar negara.

Saya hanya menggubah bunga untuk pameran dan menjadi tenaga pengajar kerana mahu berkongsi ilmu dengan orang lain sekali gus menjana pendapatan.

Memang rugi jika ramai yang tidak mengambil peluang untuk menuntut ilmu ini yang boleh memberi ganjaran lumayan kepada mereka.

**Soalan: Apakah pengalaman paling manis?**

**Jawapan:** Pengalaman paling manis apabila dapat mengajar masyarakat luar negara yang lebih menghargai hasil seni unik dan kreatif ini.

Saya juga dijemput untuk menggubah bunga di pameran besar-besaran yang menjadi tumpuan ramai.

Sebagai rakyat Malaysia, semestinya saya berbangga apabila hasil seni unik kita mendapat pengiktirafan negara luar dan mereka sanggup menghabiskan wang untuk mendapatkan yang terbaik.

Selain itu, kenangan tidak dapat dilupakan apabila menjadi salah seorang penggubah bunga sempena pameran Floria Putrajaya baru-baru ini.

Berpeluang untuk mencurahkan idea selain melihat kegembiraan pengunjung yang terpegun dengan pelbagai gubahan bunga indah dan berseri memberi kepuasan kepada


Di waktu lapang pula, saya melakukan kerja hiasan dalaman termasuk menghias rumah, penasihat majlis dan seumpamanya. Namun semuanya tidak memberi kegembiraan sebelum mengambil keputusan drastik untuk mencari sesuatu yang benar-benar memberi kepuasan.

Saya bertekad mahu mencuba sesuatu yang baru dan mampu menjana pendapatan lumayan dengan hanya dilakukan dari rumah.



**Soalan: Bagaimana pembabitan awal anda dalam bidang ini?**

**Jawapan:** Saya mula terbabit dalam bidang ini pada 2000 selepas mengikut pengajian formal daripada beberapa guru di luar negara.

Minat mendalam dan usaha bersungguh-



**ANTARA** gubahan hasil kreativiti Mohd Azmi.



# Dulu BOLA Kini BUNGA

da diri dan berazam untuk pergi lebih jauh dalam bidang ini.

**Soalan: Apakah pandangan orang ramai apabila melihat golongan lelaki menyertai bidang ini?**

**Jawapan:** Ramai yang berpendapat kebanyakan lelaki yang menceburi bidang ini golongan 'lembut', namun pandangan itu salah kerana lelaki biasa juga boleh menyertai bidang ini sebagai kerjaya.

Ramai terkejut apabila melihat saya yang dulunya bekas pemain bola sepak dan aktif bersukan mengambil keputusan menceburi bidang ini kerana mereka beranggapan tidak sesuai dengan personaliti diri.

Saya cuba menukar persepsi itu kerana sesiapa saja boleh menceburi apa saja bidang asalkan mereka mempunyai minat, kesungguhan dan usaha berterusan.

Kepada sesiapa saja yang mahu menjadi penggubah bunga, saya memang menyokong kerana bidang ini mampu memberi pendapatan lumayan selain dapat meluaskan hasil kreatif masing-masing.

**Soalan: Bagaimana anda memperoleh idea unik ini?**

**Jawapan:** Semestinya minat mendalam dan cintakan bidang yang kita ceburi mampu menghasilkan idea yang sangat kreatif.

Untuk mendapatkan hasil lain daripada yang lain, saya sentiasa membuat kajian di Internet, buku dan bahan bacaan lain kerana tidak mahu meniru idea penggubah lain.

Setiap idea hasil kreativiti sendiri dan kita juga perlu mempunyai identiti dalam setiap karya supaya tidak sama dengan orang lain.

Oleh itu, kajian amat penting untuk memberi idea segar dan baru kepada diri sebelum dapat membuat sesuatu perubahan.